

DERA DOSA MASYARAKAT!

BERSAMA
DATUK SERI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

W: Kenyataan kes dera yang dikeluarkan Datuk baru-baru ini tentang keengganan masyarakat sekeliling melaporkan penderaan yang berlaku di kawasan kejiranan, adakah dera semakin berleluasa kerana masyarakat kini sudah kekurangan nilai harmoni kejiranan atau muafakat?

Usaha menangani isu penderaan kanak-kanak tidak terletak di atas bahu KPWKM semata-mata. Sehubungan itu, kerjasama bersepadu daripada semua pihak terutamanya sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan masyarakat setempat adalah penting demi memelihara kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Kesibukan bekerja tidak boleh dijadikan alasan untuk kita tidak mengambil tahu atau tidak mempedulikan keadaan sekeliling. Kita harus meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan budaya masyarakat penyayang pada bila-bila masa.

W: Apakah punca statistik kes dera yang semakin meningkat?

Kes penderaan semakin kronik berpunca daripada peningkatan aduan yang diterima ekoran daripada:

- Keprihatinan masyarakat terhadap isu penganiayaan/ pengabaian/ penderaan;
- Kanak-kanak sendiri selesa menghubungi Talian Kasih bagi tujuan untuk meminta bantuan; dan
- Masyarakat yang memahami kemudahan Talian Kasih lebih selesa menggunakan akses tersebut bagi tujuan membuat aduan.

KENALI IDENTITI

PENDERA!

TIDAK CUKUP DENGAN SEPAK TERAJANG, ADA JUGA SEGELINTIR ANAK KECIL YANG MALANG DIPIJAK SERTA DIHENYAK SEHINGGA BATANG TUBUH MILIK MEREKA PATAH RUK DIPERLAKUKAN OLEH SI DURJANA BERNAMA PENDERA.

Malah, kerakusan di luar batas kemanusiaan pendera semenjak akhir-akhir ini juga membuatkan minda tidak henti berfikir dan bertanya-tanya, entah apa yg merasuk benak si kejam sehinggakan tangisan, rayuan dan simpati mangsa dera tidak lagi terlihat di mata mereka.

Ikuti kupasan mengenali ciri pendera di sekeliling anda. Laporan khas oleh **NORFAIZA ISMAIL, NOOR HIDAYAH SHAFIEE & IBNATIE-AZIZA MAT ROFF**.

W: Bagaimana klasifikasi penderaan paling ringan yang boleh dianggap sebagai suatu kes dera dan boleh dilaporkan kepada JKM?

Untuk mengklasifikasikan kecederaan kepada kanak-kanak adalah sukar ditentukan. Sekiranya disyaki kanak-kanak tersebut dianiaya, orang tersebut perlu membuat laporan. Siasatan segera akan dilakukan terhadap kanak-kanak dan keluarga tersebut. Berdasarkan siasatan dan pemeriksaan doktor, kecederaan kanak-kanak akan dapat dikenal pasti sebagai satu penderaan ataupun sebaliknya.

W: Adakah KPWKM melakukan sebarang kajian mengenai kes dera di Malaysia?

Terdapat pelbagai sebab kejadian pengabaian atau penganiayaan terhadap kanak-kanak iaitu seperti berikut (mengikut statistik 2014)

CIRI KES PENDERAAN	BILANGAN KES
Pendera merupakan teman lelaki / wanita	732 kes (17 peratus)
Perbalahan keluarga	715
Pendera bermasalah kewangan	390
Kanak-kanak merupakan anak tidak sah taraf	232
Pendera penagih	175
Kanak-kanak anak tiri/angkat	163
Kanak-kanak diperolehi oleh orang lain semasa kecil	119
Pendera gila seks	121
Pendera alami masalah mental	113
Pendera kaki botol (pemabuk)	107
Pendera terlibat dengan jenayah	71
Kanak-kanak hiperaktif	52
Bayi/kanak-kanak cacat	36
Pendera kaki judi	27
Pendera juga mangsa dera	20
Kepercayaan karut/adat	13
Lain-lain	403

W: Adakah kerajaan akan meneruskan cadangan mewartakan rang undang-undang larangan memukul anak dalam Akta Kanak-kanak 2001 sedia ada kini?

Jabatan tiada cadangan untuk memasukkan peruntukan khusus mengenai tindakan rotan sebagai kesalahan jenayah dalam Draf RUU Kanak-kanak yang sedang digubalkan.

Ini adalah kerana dalam perenggan 31(1)(a) Akta 611 memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang yang sedang memelihara kanak-kanak yang dalam pemeliharannya sehingga menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi kepada kanak-kanak itu, maka orang itu boleh didakwa melakukan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh

(10) tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit Malaysia (RM20,000) atau kedua-duanya.

Berdasarkan peruntukan tersebut, tindakan merotan boleh tergolong kepada kesalahan jenayah sekiranya tindakan tersebut mengakibatkan kecederaan fizikal atau emosi.

W: Ciri-ciri pendera adakah mereka mempunyai ciri-ciri tertentu atau alasan melakukan penderaan yang sama? Statistik JKM pada 2014 menunjukkan:

CIRI PENDERA	BILANGAN KES
Pekerja swasta	978
Suri rumah	568
Penganggur	422
Pekerja kampung	420
Pekerja kilang	272
Pekerja sambilan	240
Kakitangan kerajaan	232
Pengasuh/pembantu rumah	139
Ahli perniagaan	130
Didera oleh kanak-kanak lain	110
Ahli profesional	29
Tidak diketahui	515

W: Bagaimana KPWKM menguruskan kes dera? Prosedur yang diguna pakai oleh JKM adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001:

- Tindakan awal – Pelindung akan pergi ke lokasi kejadian untuk menerima dan menyelamatkan kanak-kanak.
- Laporan kepada polis (jika perlu).
- Rujuk kepada pegawai perubahan untuk pemeriksaan dan mengesahkan pengabaian / penganiayaan berlaku atau tidak.
- Dapatkan perintah sementara dari mahkamah untuk membolehkan siasatan lanjut bagi tujuan penyediaan laporan yang akan dikemukakan di Mahkamah Bagi Kanak-kanak sebelum perintah tetap dikeluarkan oleh Mahkamah. Antara perintah yang mahkamah boleh keluar terhadap kanak-kanak tersebut adalah:
- Diletakkan dalam jagaan seseorang yang layak dan sesuai selama tempoh dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-kanak dengan pengawasan seorang Pelindung (Pegawai Kebajikan Masyarakat)
- Ditempatkan di Tempat Selamat iaitu Rumah Kanak-kanak selama 3 tahun atau sehingga mangsa mencapai umur 18 tahun atau mana-mana yang lebih pendek.

W: Mangsa dera sering diberi perhatian, bagaimana pula dengan pendera, adakah mereka hanya sekadar dihukum tanpa proses pemulihan untuk kembali kepada masyarakat dan memperbaiki hubungan keluarga.

Proses pemulihan pendera adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. **W**

Anise - General

Wg : 82-83